



PROGRAM KOORDINASI SUKARELAWAN KOMUNITI DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU, PULAU PINANG



Pada 19 Jun 2021, YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) bersama-sama sukarelawan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) telah melawat Pusat Pemberian Vaksin Kompleks Sukan Balik Pulau, Pulau Pinang. Selain daripada lawatan kerja, YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin turut menyempurnakan Majlis Pelancaran MOVAK Peringkat Pulau Pinang. Mobilisasi sukarelawan ini telah dimulakan di Ampang. Gerakan mobilisasi vaksinasi merupakan salah satu usaha KPKT membantu kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencapai sasaran 80 peratus '*herd immunity*' menjelang Oktober tahun ini.

Pelancaran MOVAK ini juga akan turut mengaktifkan NGO Penggerak Komuniti Negara (PKN) sebagai nadi sukarelawan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Pulau Pinang. MOVAK merupakan antara inisiatif KPKT dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta NGO bagi menggerakkan fokus utama iaitu membantu mendaftar individu yang belum mendaftar vaksin.

Gandingan bersama dua kementerian ini seiring dengan arahan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu semua jentera kementerian digerakkan bagi membantu gerakan Vaksinasi Kebangsaan untuk mencapai sasaran 80 peratus “*herd immunity*” menjelang Oktober tahun ini.

Secara keseluruhannya, KPKT amat komited dalam beberapa inisiatif ini khususnya membantu merencanakan Program Vaksinasi Kebangsaan agar semua dapat bersama-sama memutuskan rantai COVID-19.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat